



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 60
No. 22

26hb Oktober 2017

TAMBAHAN
No. 2

No. 699.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2016, Penyata Kumpulan Wang Zakat dan Penyata Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 8 hingga 21.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia/diluluskan oleh Ahli Lembaga dan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Lembaga Zakat Negeri Kedah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian laporan kewangan yang diluluskan di Malaysia/diluluskan oleh Ahli Lembaga dan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015. Ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah, Ahli Lembaga bertanggungjawab menilai keupayaan Lembaga Zakat Negeri Kedah untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakananya sebagai atas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti

audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Zakat Negeri Kedah.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Lembaga.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Zakat Negeri Kedah sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Lembaga, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Lembaga dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

ALOR SETAR
Bertarikh 6 Ogos 2017

BARIDATUL ANITA BINTI BIDIN
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1796

[26hb Okt. 2017]

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN

(Ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Zakat Darul Aman 2015)

Kami, Dato' Paduka Haji Bakar bin Din, D.H.M.S., D.S.D.K., P.J.N., A.M.K., B.C.K., B.P.L. dan Dato' Seraja Bijaya, Dato' Wira Haji Syed Zain bin Syed Abdullah, D.G.M.K., D.S.D.K., J.S.M., S.D.K., B.C.K., B.P.L. yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Zakat dan Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,

Bagi Pihak Lembaga,

Nama: Y.B. Dato' Paduka Haji
Bakar bin Din, D.H.M.S.,
D.S.D.K., P.J.N., A.M.K.,
B.C.K., B.P.L

Nama: Dato' Seraja Bijaya,
Dato' Wira Haji Syed
Zain bin Syed Abdullah,
D.G.M.K., D.S.D.K.,
J.S.M., S.D.K., B.C.K.,
B.P.L

Jawatan: Pengerusi

Jawatan: Ahli Lembaga

ARAS 3, MENARA ZAKAT
JALAN TELUK WAN JAH
05200 ALOR SETAR, KEDAH
Bertarikh 28 Mac 2017

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN

(Ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Zakat Darul Aman 2015)

Saya, Dato' Syeikh Gazali bin Haji Yaacob, D.S.D.K., Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Zakat dan Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

26hb Okt. 2017]

1797

kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas Dato' Syeikh Gazali bin Haji Yaacob, D.S.D.K. (Ketua Pegawai Eksekutif), di Alor Setar pada 28 Mac 2017.

Di hadapan saya,

YASTINA BINTI HAMID
Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia

LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN (Ditubuhkan menurut Seksyen 4, Enakmen Lembaga Zakat Darul Aman 2015)

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	3	67,302,215	66,903,577
ASET TAK KETARA	4	18,136	24,181
KERJA DALAM KEMAJUAN	5	403,068	773,900
ASET SEMASA			
Pinjaman Pegawai dan Kakitangan	6	3,979,856	1,846,691
Pertaruhan	7	66,275	65,525
Pelbagai Penghutang	8	1,718,580	2,408,299
Pendahuluan Diri dan Pelbagai	9	18,251	21,915
Simpanan Deposit-I Berjangka	10	116,285,000	151,785,000
Wang Tunai di Bank dan di Tangan	11	57,293,049	32,265,477
JUMLAH ASET SEMASA		179,361,011	188,392,907
TOLAK: LIABILITI SEMASA			
Cagaran Diterima	12	728,069	321,459
Pelbagai Pembiutang	13	11,135,897	10,412,084
JUMLAH LIABILITI SEMASA		11,863,966	10,733,543
ASET SEMASA BERSIH		167,497,045	177,659,364
		235,220,464	245,361,022

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1798

[26hb Okt. 2017]

Nota	2016 RM	2015 RM
------	------------	------------

DIBIAYAI OLEH:

Kumpulan Wang Zakat	14	149,358,571	163,770,268
Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan	15	35,470,239	35,199,100
Kumpulan Wang Pinjaman	16	6,300,000	2,300,000
Rezab Penilaian Semula	17	44,091,654	44,091,654
	-----	-----	-----
		235,220,464	245,361,022
		-----	-----

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 8 hingga 21 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN KUMPULAN WANG ZAKAT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

PENDAPATAN

Zakat	18	140,448,128	133,859,550
Fidyah		886,789	602,065
Sewaan	19	1,107,633	998,108
Keuntungan Simpanan Deposit-I Berjangka	20	3,870,332	4,610,407
Hibah Akaun Semasa	21	664,479	173,257
Keuntungan Atas Pengambilan Tanah	22	1,124,540	—
Pelbagai Hasil	23	83,754	145,059
JUMLAH PENDAPATAN		148,185,655	140,388,446
		-----	-----

PERBELANJAAN

Asnaf Fakir		11,791,594	8,065,104
Asnaf Miskin		67,608,579	60,350,677
Asnaf Amil		17,845,507	16,875,340
Asnaf Muallaf		1,680,590	1,902,430
Asnaf Arriqab		—	—
Asnaf Al-Gharim		38,098	32,100
Asnaf Fisabilillah		63,466,777	62,585,716
Asnaf Ibni Sabil		245,840	189,050
JUMLAH PERBELANJAAN		162,676,985	150,000,417
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN DARI PADA PERBELANJAAN		(14,491,330)	(9,611,971)
		-----	-----

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 8 hingga 21 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

26hb Okt. 2017]

1799

PENYATA PENDAPATAN KUMPULAN WANG PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
PENDAPATAN			
Zakat		17,556,016	16,732,444
Sewaan		138,454	124,763
Keuntungan Simpanan Deposit-I Berjangka	20	1,088,318	651,616
Hibah Akaun Semasa	21	29,877	23,023
Keuntungan Atas Pengambilan Tanah Pelbagai Hasil		140,568 10,469	— 18,132
JUMLAH PENDAPATAN		18,963,702	17,549,978
PERBELANJAAN			
Hadiah Amil		2,182,892	2,009,213
Gaji, Elaun dan Bonus Kakitangan		6,766,364	4,923,255
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja PERKESO		1,451,916 85,865	1,059,332 62,985
Belanja Mesyuarat		21,100	7,500
Elaun Perjalanan dan Pengangkutan		153,194	113,760
Elaun Lain-lain dan Saguhati		30,160	24,691
Pelbagai Belanja	24	3,254,578	2,986,505
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	3	697,607	682,937
Pelunasan	3 & 4	49,424	51,439
JUMLAH PERBELANJAAN		14,693,100	11,921,618
LEBIHAN PENDAPATAN DARIPADA PERBELANJAAN		4,270,602	5,628,360

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 8 hingga 21 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Tahun 2016	Kumpulan Wang Zakat	Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan	Kumpulan Wang Pinjaman	Rezab Penilaian Semula	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
Baki Pada 1 Januari 2016	163,770,268	35,199,100	2,300,000	44,091,654	245,361,022
Pelarasan Tahun Lalu	79,633	537	—	—	80,170

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1800

[26hb Okt. 2017]

	Kumpulan Wang Zakat	Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan	Kumpulan Wang Pinjaman	Rezab Penilaian Semula	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
Pindahan ke Kumpulan Wang Pinjaman	—	(4,000,000)	4,000,000	—	—
Lebihan Pendapatan dari Perbelanjaan	(14,491,330)	4,270,602	—	—	(10,220,728)
Baki Pada 31 Disember 2016	149,358,571	35,470,239	6,300,000	44,091,654	235,220,464
Tahun 2015	-----	-----	-----	-----	-----
Baki Pada 1 Januari 2015	173,324,501	29,570,851	2,300,000	44,091,654	249,287,006
Pelarasan Tahun Lalu	57,738	(111)	—	—	57,627
Pindahan ke Kumpulan Wang Pinjaman	—	—	—	—	—
Lebihan Pendapatan dari Perbelanjaan	(9,611,971)	5,628,360	—	—	(3,983,611)
Baki Pada 31 Disember 2015	163,770,268	35,199,100	2,300,000	44,091,654	245,361,022
-----	-----	-----	-----	-----	-----

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 8 hingga 21 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI

Lebihan/(Kurangan) Pendapatan daripada Perbelanjaan	(10,220,728) (3,983,611)
--	-------------------------------

Pelarasan Untuk: Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	697,607 682,937
--	----------------------

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

26hb Okt. 2017]

1801

	Nota	2016 RM	2015 RM
Perlunasan		49,424	51,439
Pelarasan Tahun Lalu	25	80,170	57,627
Pelarasan Pelunasan Tanah		—	948
Terkurang Nyata			
Pelarasan Hartanah, Loji dan Peralatan Terlebih Nyata		6,860	130,617
Pelarasan Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan Terlebih Nyata		15,121	(97,006)
Keuntungan Atas Pengambilan Tanah	22	(1,124,540)	—
Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja		(10,496,086)	(3,157,049)
Kurangan/(Tambahan) dalam Pinjaman		(2,133,165)	(1,029,052)
Kurangan/(Tambahan) dalam Pertaruhan		(750)	(38,850)
Kurangan/(Tambahan) dalam Pelbagai Penghutang		689,719	491,561
Kurangan/(Tambahan) dalam Pendahuluan		3,664	7,312
Tambahan/(Kurangan) dalam Cagaran Diterima		406,610	(82,283)
Tambahan/(Kurangan) dalam Pelbagai Pemutang		723,813	2,920,637
Tambahan/(Kurangan) dalam Akaun Deposit Cek Terbatal		—	58,814
Tunai Bersih dari Aktiviti Operasi		(10,806,195)	(828,910)
 ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Belian Hartanah, Loji dan Peralatan Hasil Daripada Pengambilan Tanah	22	(373,749)	(838,386)
Bayaran Kerja Dalam Kemajuan		1,504,483	—
Tunai Bersih dari Aktiviti Pelaburan		(796,967)	(773,900)
		(10,472,428)	(2,441,196)
 ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI KEWANGAN			
Tunai Bersih dari Aktiviti Kewangan		(10,472,428)	(2,441,196)
Tunai dan Bersamaan Tunai Pada Awal Tahun		184,050,477	186,491,673
Tunai dan Bersamaan Tunai Pada Akhir Tahun		173,578,049	184,050,477

	Nota	2016	2015
		RM	RM
DIWAKILI OLEH			
Simpanan Deposit-I Berjangka		116,285,000	151,785,000
Wang Tunai di Tangan dan di Bank		57,293,049	32,265,477
		-----	-----
		173,578,049	184,050,477
		-----	-----

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 8 hingga 21 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

1. MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman ialah suatu pertubuhan perbadanan ditubuhkan menurut Seksyen 4, Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015. Ibu Pejabat Lembaga Zakat Negeri Kedah terletak di Aras 3, Menara Zakat, Jalan Teluk Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Aktiviti utama Lembaga Zakat Negeri Kedah ialah menjalankan pentadbiran pengurusan kutipan zakat dan agihan zakat kepada asnaf-asnaf di dalam Negeri Kedah Darul Aman. Tiada sebarang perubahan penting dalam aktiviti utama Lembaga Zakat Negeri Kedah di sepanjang tahun kewangan ini.

Jumlah bilangan pekerja sehingga 31 Disember 2016 ialah 142 orang.

Penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah berakhir 31 Disember 2016 telah dibentang dan diterima dalam Mesyuarat Lembaga pada 3 Januari 2017.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Semua dasar perakaunan adalah sama seperti yang telah digunakan bagi tahun lepas kecuali dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan Lembaga telah disediakan berpandukan konvensyen kos sejarah yang diubahsuai berdasarkan penilaian semula harta dan pematuhan kepada kehendak Hukum Syarak, dengan mengambil kira dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di dalam Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015, peraturan-peraturan kewangan dan perakaunan serta piawaian yang diterima umum bagi organisasi dan jabatan-jabatan kerajaan, yang pada lazimnya merujuk kepada pelaporan kewangan yang disediakan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Angka perbandingan di dalam lembaran imbangan bagi tahun sebelumnya telah diklasifikasi semula supaya selaras dengan pembentangan tahun semasa.

Pada tahun 2016, Lembaga masih menggunakan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) dalam penyediaan penyata kewangan. MPSAS akan mula digunakan mulai tahun 2017.

Penyata-penyata kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”).

(b) Hartanah, Loji dan Peralatan Serta Susutnilai

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul.

Lembaga telah menetapkan dasar perakaunan dengan mempermodalkan Hartanah, Loji dan Peralatan yang harga perolehan asalnya RM2,000 dan ke atas setiap satu pada masa perolehan. Hartanah, Loji dan Peralatan yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM2,000 setiap satu diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan.

Sebarang kos pengubahsuaian ke atas mana-mana hartaanah, loji dan peralatan yang tidak mengubah struktur asal dianggap sebagai perbelanjaan penyelenggaraan dan tidak dipermodalkan sebagai aset.

Tanah pegangan kekal dan pegangan pajakan dinyatakan pada kos. Penilaian tanah hanya dibuat apabila pihak pengurusan berpendapat, ianya akan dibangunkan atau dilupuskan dalam tempoh terdekat. Harga penilaian tanah adalah berdasarkan penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Lebihan yang berbangkit daripada penilaian dikreditkan secara langsung ke akaun Rizab Modal.

Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan kerana tiada had hayat kegunaan, manakala tanah pajakan disusutnilaikan dalam tempoh pajakan yang masih tertinggal.

Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan dikira setahun tanpa mengambil kira tarikh ianya diperolehi dan susutnilai tidak dibuat Hartanah, Loji dan Peralatan yang dijual atau dilupuskan dalam tahun semasa. Susutnilai dikira berasaskan kaedah baki berkurangan pada kadar tahunan yang berikut:

	Kadar Susunilai Tahunan	Kadar Pelunasan Tahunan
Bangunan	2%	
Ubahsuai Bangunan	20%	
Kenderaan	20%	
Kelengkapan Pejabat	20%	
Komputer	40%	
Aset Tidak Ketara		25%

(c) Kerja Dalam Kemajuan

Lembaga merekodkan kos kerja dalam kemajuan berdasarkan sijil bayaran kemajuan berkenaan. Kerja dalam kemajuan akan dipindahkan ke hartanah, loji dan peralatan apabila ianya telah siap dan Sijil Perakuan Siap Kerja diterima.

(d) Penghutang

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Peruntukan khas dibuat untuk sebarang jumlah hutang yang dianggap peragukan. Hutang lapuk dihapuskira apabila dikenalpasti dan setelah diluluskan oleh Lembaga.

Dasar peruntukan hutang ragu dan hapuskira hutang bagi penghutang-penghutang Lembaga adalah seperti berikut:

Tempoh Hutang	% Yang Dianggarkan Ragu
Tidak melebihi 1 tahun	Tiada
Melebihi 1 tahun sehingga 3 tahun	50%
Melebihi 3 tahun	100%
Melebihi 5 tahun	Hapuskira
Melebihi 1 tahun yang tidak dapat dikutip	Hapuskira

Akaun Belum Terima yang merujuk kepada penghutang penyewaan Lembaga dinyatakan setelah ditolak dengan Peruntukan Hutang Ragu pada kadar yang telah ditetapkan.

(e) Pelaburan

Pelaburan Lembaga adalah pegangan dalam bentuk Simpanan Deposit-I Berjangka di Institusi Kewangan Islam dalam negeri. Pelaburan dinyatakan pada kos dan dipegang sehingga matang serta diperbaharui apabila sijil telah matang.

Manakala Simpanan Deposit-I Berjangka bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang dikategorikan di bawah wang tunai.

(f) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta deposit bertempoh yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan tidak mengalami perubahan nilai yang ketara.

(g) Pembiutang

Pembiutang dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar pada masa hadapan untuk barang dan perkhidmatan yang diterima.

(h) Cukai Pendapatan

Lembaga adalah dikecualikan dari cukai pendapatan serta tidak memerlukan cukai bagi tahun semasa dan menepati Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2003 dan pengecualian cukai di bawah Perenggan 13(b) Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967.

(i) Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)

Selaras dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*] yang berkuat kuasa mulai 1 April 2015, Lembaga perlu membayar cukai ke atas semua pembelian barang dan perkhidmatan yang tertakluk kepada CBP. Tiada sebarang pengecualian yang diberikan kepada Lembaga.

Semua hasil yang diterima oleh Lembaga tidak tertakluk kepada Akta CBP ini kecuali hasil sewa bangunan, premis dan tapak perniagaan. Lembaga perlu mendaftar dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) apabila hasil sewa yang diterima oleh Lembaga telah melebihi syarat yang dikenakan. Lembaga perlu mengutip CBP dan menghantar penyata serta membuat bayaran kepada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia setiap 3 bulan sekali.

(j) Pengiktirafan Pendapatan

Semua hasil adalah diambil kira berdasarkan tunai kecuali hasil daripada sewaan harta dan keuntungan Simpanan Deposit-I Berjangka yang diiktiraf berdasarkan kaedah akruan. Secara umum, pendapatan sewa diakrukan dengan merujuk kepada kadar sewaan bulanan. Semua hasil Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan adalah 1/8 daripada semua hasil Kumpulan Wang Zakat kecuali kutipan fidyah, keuntungan Simpanan Deposit-I Berjangka dan hibah akaun semasa.

(k) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun kewangan ini di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Lembaga. Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja manakala ketidakhadiran berbayar tak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit adalah diiktiraf apabila cuti tersebut berlaku.

(ii) Pelan Caruman Wajib

Lembaga mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan (KWSP) iaitu pelan caruman wajib negara. Caruman kepada KWSP diambilkira dalam penyata pendapatan pada tahun yang berkaitan. Apabila caruman telah dibayar, Lembaga tidak lagi mempunyai obligasi untuk membayar di masa hadapan.

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

26hb Okt. 2017]

1807

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tahun 2016	Tanah Milik Bebas RM	Tanah Milik Pajakan RM	Tanah Milik Rezab Melayu RM	Bangunan RM	Ubahsua Bangunan RM	Kenderaan RM	Kelengkapan Pejabat RM	Komputer RM	Jumlah RM
Kos										
Pada 1 Januari 2016	44,760,000	1,527,006	4,509,068	16,055,779	176,009	1,183,360	2,139,277	586,293	70,760,783	
Tambahan	—	—	—	1,167,799	—	—	122,340	75,400	373,749	
Pengkelasaran	(379,943)	—	—	—	—	—	—	—	1,167,799	
Pelupusan	—	—	—	(91,625)	84,765	—	—	—	(379,943)	
Pelarasan	—	—	—	—	—	—	—	—	(6,860)	
Pada 31 Disember 2016	<u>44,380,057</u>	<u>1,527,006</u>	<u>4,509,068</u>	<u>17,131,953</u>	<u>260,774</u>	<u>1,183,360</u>	<u>2,261,617</u>	<u>661,693</u>	<u>71,915,528</u>	
Susutnilai Terkumpul										
Pada 1 Januari 2016	—	123,325	—	960,566	48,764	656,765	1,748,776	367,974	3,857,206	
Susutnilai dalam tahun	—	—	—	323,428	—	105,319	102,608	117,488	697,607	
Pelunasan dalam tahun	—	43,379	—	—	—	—	—	—	43,379	
Pelarasan	—	—	—	(1,832)	16,953	—	—	—	15,121	
Pada 31 Disember 2016	<u>—</u>	<u>166,704</u>	<u>—</u>	<u>1,282,162</u>	<u>65,717</u>	<u>762,084</u>	<u>1,851,184</u>	<u>485,462</u>	<u>4,613,313</u>	
Nilai buku bersih pada	—	—	—	—	—	—	—	—	—	
31 Disember 2016	<u>44,380,057</u>	<u>1,360,302</u>	<u>4,509,068</u>	<u>15,849,791</u>	<u>195,057</u>	<u>421,276</u>	<u>410,433</u>	<u>176,231</u>	<u>67,302,215</u>	
Tahun 2015										
Kos										
Pada 1 Januari 2015	44,760,000	1,527,006	4,509,068	15,598,400	—	1,006,761	2,241,162	410,617	70,053,014	
Tambahan	—	—	—	457,379	—	176,599	28,332	175,676	838,386	
Pelarasan	—	—	—	—	—	—	(130,617)	—	(130,617)	
Pada 31 Disember 2015	<u>44,760,000</u>	<u>1,527,006</u>	<u>4,509,068</u>	<u>16,055,779</u>	<u>—</u>	<u>1,183,360</u>	<u>2,139,277</u>	<u>586,293</u>	<u>70,760,783</u>	
Susutnilai Terkumpul										
Pada 1 Januari 2015	—	78,998	—	652,500	—	525,116	1,747,907	222,427	3,226,948	
Susutnilai dalam tahun	—	—	—	308,066	—	131,649	97,675	145,547	682,937	
Pelunasan dalam tahun	—	43,379	—	—	—	—	—	—	43,379	
Pelarasan	—	948	—	—	—	—	(97,006)	—	(96,058)	
Pada 31 Disember 2015	<u>—</u>	<u>123,325</u>	<u>—</u>	<u>960,566</u>	<u>—</u>	<u>656,765</u>	<u>1,748,576</u>	<u>367,974</u>	<u>3,857,206</u>	
Nilai buku bersih pada	—	—	—	—	—	—	—	—	—	
31 Disember 2015	<u>44,760,000</u>	<u>1,403,681</u>	<u>4,509,068</u>	<u>15,095,213</u>	<u>—</u>	<u>526,595</u>	<u>390,701</u>	<u>218,319</u>	<u>66,903,577</u>	

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1808

[26hb Okt. 2017]

4. ASET TAK KETARA

	Sistem Perakaunan Berkomputer	Sistem IPT Online	Penambahanbaikan Sistem Agihan dan Procurement	Perisian Komputer	Perisian Antivirus	Jumlah
Kos	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2016	49,999	26,000	16,000	6,800	13,736	112,535
Tambahan	—	—	—	—	—	—
Pelarasan	—	—	—	—	—	—
Pada 31 Disember 2016	49,999	26,000	16,000	6,800	13,736	112,535
<hr/>						
Pelunasan Terkumpul Pada 1 Januari 2016	43,325	22,529	12,559	3,931	6,010	88,354
Pelunasan dalam tahun Pelarasan	1,668	868	860	717	1,932	6,045
Pada 31 Disember 2016	44,993	23,397	13,419	4,648	7,942	94,399
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2016	5,006	2,603	2,581	2,152	5,794	18,136
<hr/>						
Tahun 2015						
Kos	49,999	26,000	16,000	6,800	13,736	112,535
Pada 1 Januari 2015	—	—	—	—	—	—
Tambahan	—	—	—	—	—	—
Pelarasan	—	—	—	—	—	—
Pada 31 Disember 2015	49,999	26,000	16,000	6,800	13,736	112,535
<hr/>						
Pelunasan Terkumpul Pada 1 Januari 2015	41,100	21,373	11,412	2,975	3,434	80,294
Pelunasan dalam tahun Pelarasan	2,225	1,156	1,147	956	2,576	8,060
Pada 31 Disember 2015	43,325	22,529	12,559	3,931	6,010	88,354
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2015	6,674	3,471	3,441	2,869	7,726	24,181

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

26hb Okt. 2017]

1809

5. KERJA DALAM KEMAJUAN

Perkara	Pada	Pertambahan	Pengkelasan	Pada	
	1-1-2016	RM	RM	31-12-2016	RM
Penggantian sistem lif penumpang di Menara Zakat Alor Setar, Kedah Darul Aman	773,900	393,899	1,167,799	—	—
Pembangunan dan penambahbaikan sistem kutipan zakat	—	98,000	—	98,000	98,000
Ubahsuai rekabentuk dalaman Lembaga Zakat Kulim	—	89,990	—	89,990	89,990
Ubahsuai rekabentuk dalaman Lembaga Zakat Baling	—	215,078	—	215,078	215,078
	773,900	796,967	1,167,799	403,068	—
	-----	-----	-----	-----	-----
			2016		2015
			RM		RM

6. PINJAMAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN

Pinjaman Perumahan	3,868,901	1,722,359
Pinjaman Tabung Qardhul Hasan	110,955	124,332
	-----	-----
	3,979,856	1,846,691
	-----	-----

7. PERTARUHAN

Pertaruhan Air	8,745	8,745
Pertaruhan Letrik	49,830	49,830
Pertaruhan Sewa Pejabat	4,200	3,750
Lain-lain Pertaruhan	3,500	3,200
	-----	-----
	66,275	65,525
	-----	-----

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1810

[26hb Okt. 2017]

2016	2015
RM	RM

8. PELBAGAI PENGHUTANG

Keuntungan Simpanan Deposit-I

Berjangka Terakru:

Kumpulan Wang Zakat	1,050,637	1,741,480
Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan	239,857	299,360
Penyewa Menara Zakat	11,869	7,874
Penyewa Bilik/Bangunan	123,873	132,175
Penyewa Bendang	328,844	269,311
Penyewa Tapak	18,770	13,369
-----	-----	-----
	483,356	422,729
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(55,270)	(55,270)
-----	-----	-----
	428,086	367,459
-----	-----	-----
	1,718,580	2,408,299
-----	-----	-----

9. PENDAHULUAN DIRI DAN PELBAGAI

Bayaran Balik Elaun BITK	16,880	21,640
Bayaran Balik Kesilapan Bayaran Gaji	—	275
Bayaran Balik Takaful	1,243	—
Bayaran Balik Bil Telefon	128	—
-----	-----	-----
	18,251	21,915
-----	-----	-----

10. SIMPANAN DEPOSIT-I BERJANGKA

Kumpulan Wang Zakat	88,285,000	123,785,000
Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan	28,000,000	28,000,000
-----	-----	-----
	116,285,000	151,785,000
-----	-----	-----

11. WANG TUNAI DI BANK DAN DI TANGAN

Kumpulan Wang Zakat	1,000,000	1,500,000
Simpanan Deposit-I Berjangka	40,688,794	30,009,973
Matang Dalam Tempoh 3 Bulan	24,729	10,083
Wang Tunai Di Bank	10,500	10,500
Wang Tunai Di Tangan	-----	-----
Panjar Wang Runcit	41,724,023	31,530,556
-----	-----	-----

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

26hb Okt. 2017]

1811

2016	2015
RM	RM

Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan		
Wang Tunai Di Bank	15,569,026	734,921
-----	-----	-----
	57,293,049	32,265,477
	-----	-----

12. CAGARAN DITERIMA

Cagaran Sewa Bilik/Bangunan	117,733	103,997
Wang Tahanan	598,336	185,462
Wang Kesungguhan	12,000	32,000
-----	-----	-----
Jumlah	728,069	321,459
	-----	-----

13. PELBAGAI PEMIUTANG

Peruntukan Bayaran Audit	16,000	16,000
Bayaran Terakru	4,452,192	4,295,507
Tanggungan Belum Selesai	5,350,711	5,445,872
Bayaran Kepada Pemaju	444,561	52,144
Pampasan Pengambilan Tanah kepada Penyewa	78,004	—
Bayaran Balik Lain	68,136	—
EFT Terbatal/Cek Terbatal	714,599	593,780
Cukai Barang dan Perkhidmatan (Cukai Output)	11,694	8,781
-----	-----	-----
	11,135,897	10,412,084
	-----	-----

14. KUMPULAN WANG ZAKAT

Baki Pada 1 Januari	163,770,268	173,324,501
Tambah/(Tolak): Pelarasan Tahun Lalu	79,633	57,738
-----	-----	-----
	163,849,901	173,382,239
Tambah: Lebihan/(Kurangan) Pendapatan dari Perbelanjaan	(14,491,330)	(9,611,971)
-----	-----	-----
Baki Pada 31 Disember	149,358,571	163,770,268
	-----	-----

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1812

[26hb Okt. 2017]

15. KUMPULAN WANG PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

		2016	2015
		RM	RM
Baki Pada 1 Januari		35,199,100	29,570,851
Tambah/(Tolak): Pelarasan Tahun Lalu		537	(111)
Pindahan Ke Kumpulan Wang Pinjaman		(4,000,000)	—
		-----	-----
		31,199,637	29,570,740
Tambah: Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Dari Perbelanjaan		4,270,602	5,628,360
		-----	-----
Baki Pada 31 Disember		35,470,239	35,199,100
		-----	-----

16. KUMPULAN WANG PINJAMAN

Pinjaman Perumahan		2,000,000	2,000,000
Peruntukan pinjaman pada 1 Januari		4,000,000	—
Tambahan Peruntukan		-----	-----
Peruntukan pinjaman pada 31 Disember		6,000,000	2,000,000
		-----	-----
Pinjaman Kenderaan		150,000	150,000
Peruntukan pinjaman pada 1 Januari		—	—
Tambahan Peruntukan		-----	-----
Peruntukan pinjaman pada 31 Disember		150,000	150,000
		-----	-----
Pinjaman Qardhul Hasan		150,000	150,000
Peruntukan pinjaman pada 1 Januari		—	—
Tambahan Peruntukan		-----	-----
Peruntukan pinjaman pada 31 Disember		150,000	150,000
		-----	-----
Baki Kumpulan Wang Pinjaman Pada 31 Disember		6,300,000	2,300,000
		-----	-----

Ini merupakan dana pusingan di bawah Akaun Kumpulan Wang Pinjaman yang disumbangkan oleh Akaun Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan bertujuan untuk membiayai pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan dan pinjaman Qardhul Hasan pekerja-pekerja Lembaga.

Baki dari peruntukan yang boleh digunakan pada 31 Disember 2016 seperti berikut:

	RM
Pinjaman Perumahan:	
Jumlah peruntukan	6,000,000
Baki pinjaman perumahan	(3,868,901)

Baki peruntukan yang boleh digunakan	2,131,099

Pinjaman Kenderaan:	
Jumlah peruntukan	150,000
Baki pinjaman kenderaan	—

Baki peruntukan yang boleh digunakan	150,000

Tabung Pinjaman Qardhul Hasan	
Jumlah peruntukan	150,000
Baki Tabung Pinjaman Qardhul Hasan	(110,955)

Baki peruntukan yang boleh digunakan	39,045

Jumlah baki peruntukan yang boleh digunakan	2,320,144

17. REZAB PENILAIAN SEMULA

Penilaian semula Hartanah dan Bangunan telah dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Kedah pada tahun 2013.

Nilai buku harta adalah dikira pada harga asal pada tarikh penilaian dibuat setelah ditolak susutnilai pada tarikh nilaiannya tersebut. Penambahan/ pengurangan (surplus atau defisit) atas penilaian semula harta dicaj sebagai Rezab Penilaian Semula seperti kehendak MASB 14 dan FRS 116. Rezab Penilaian Semula adalah seperti berikut:

	2016	2015
	RM	RM
Baki Pada 1 Januari	44,091,654	44,091,654
Tambah: Penambahan (surplus) nilai dalam tahun	—	—
	-----	-----
	44,091,654	44,091,654
Tolak: Pengurangan (defisit) nilai dalam tahun	—	—
Pelarasan dalam tahun	—	—
	-----	-----
Baki Pada 31 Disember	44,091,654	44,091,654
	-----	-----

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1814

[26hb Okt. 2017]

	2016 RM	2015 RM
18. ZAKAT		
Zakat Padi	5,158,554	4,650,469
Zakat Ternakan	14,423	21,882
Zakat Pendapatan	86,614,805	82,589,365
Zakat Perniagaan	26,098,086	25,946,191
Zakat Wang Simpanan	10,959,679	10,138,380
Zakat Saham-saham	331,055	279,691
Zakat KWSP	1,508,994	1,200,840
Zakat Emas	918,729	846,755
Zakat Perak	5,976	2,786
Zakat Galian	—	202
Zakat Fitrah	8,733,793	8,127,304
Qadha Zakat	104,034	55,685
	-----	-----
	140,448,128	133,859,550
	-----	-----
19. SEWAAN		
Sewa Ruang Menara Zakat	386,258	379,891
Sewa Bendang	333,448	229,744
Sewaan Bilik/Bangunan	327,946	353,538
Sewa Tapak	56,725	29,825
Sewa Dewan/Alatan	3,256	5,110
	-----	-----
	1,107,633	998,108
	-----	-----
20. KEUNTUNGAN SIMPANAN DEPOSIT-I BERJANGKA		
Kumpulan Wang Zakat	3,870,332	4,610,407
Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan	1,088,318	651,616
	-----	-----
	4,958,650	5,262,023
	-----	-----
21. HIBAH AKAUN SEMASA		
Kumpulan Wang Zakat	664,479	173,257
Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan	29,877	23,023
	-----	-----
	694,356	196,280
	-----	-----

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

26hb Okt. 2017]

1815

22. KEUNTUNGAN ATAS PENGAMBILAN TANAH

Pengambilan tanah telah dibuat oleh MADA pada tahun 2016 bagi Projek Pembangunan Sistem Pengairan Tersier Blok SCRBD 5, Daerah Yan, Kedah Darul Aman. Tanah dinilai dengan harga RM475,200.00/sehektar. Tiga lot tanah milik bebas yang terlibat adalah:

	Bayaran Diterima RM	Kos Pengambilan RM	Keuntungan RM
Lot 3680, Hakmilik GRN 102518, Daerah Yan sebanyak 0.6671 hektar	317,006	80,062	236,944
Lot 3682, Hakmilik GRN 102520, Daerah Yan sebanyak 1.2454 hektar	591,814	149,388	442,426
Lot 3684, Hakmilik GRN 102522, Daerah Yan sebanyak 1.2535 hektar	595,663	150,493	445,170
	-----	-----	-----
	1,504,483	379,943	1,124,540
	-----	-----	-----
		2016 RM	2015 RM

23. PELBAGAI HASIL

Lain-lain Hasil Yang Tidak Kenalpasti	63,792	120,265
Hibah Atas Takaful	1,267	13,286
Derma	11,855	11,508
Jualan Borang Sebutharga/Tender	6,840	—
	-----	-----
	83,754	145,059
	-----	-----

24. PELBAGAI BELANJA

Alat Kelengkapan Pejabat, Perabot Kelengkapan dan lain-lain	58,790	90,305
Alatalis	129,660	61,717
Bahan-bahan Makanan & Minuman	36,753	34,682
Bayaran Audit Penyata Kewangan	16,000	16,000

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1816

[26hb Okt. 2017]

	2016 RM	2015 RM
Bayaran Komisen	15,231	27,399
Bayaran Pos dan Setem	110,595	112,540
Bayaran Rawatan	219,474	202,106
Bayaran Tol dan Tempat Letak Kereta	13,134	10,734
Bekalan Bahan Mentah & Bahan-bahan untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan	569	1,432
Bekalan dan Penyelenggaraan Komputer & Sistem IT	149,631	170,638
Cenderahati	123,544	111,085
Cukai Barang dan Perkhidmatan	139,191	126,312
Cukai Jalan	7,524	6,636
Hasil Pintu	94,820	93,723
Hasil Tanah	25,655	22,759
Kawalan dan Kebersihan Pejabat	185,158	177,927
Pakaian Seragam Termasuk Kasut	67,251	12,221
Pelbagai	14,208	27,279
Pembaikan Menara Zakat	176,201	—
Penyelenggaraan Bangunan/Pejabat	161,173	135,248
Penyelenggaraan Kereta	26,239	15,443
Penyelenggaraan Perkkas/Kelengkapan Pejabat	54,872	48,665
Perbelanjaan Latihan, Seminar, Kursus, Lawatan dan Lain-lain	55,708	103,767
Perbelanjaan untuk Peguam	50	1,150
Percetakan	167,889	126,314
Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	142,966	134,101
Perkhidmatan Pakar Perunding & Penilaian	—	49,304
Petrol	28,510	28,197
Sewaan Bangunan	20,967	19,000
Sewaan Pelbagai	46,940	38,505
Sewaan, Panggilan Telefon dan Perkhidmatan Internet	308,283	312,572
Sumbangan untuk Kelab Kebajikan	25,000	25,000
Takaful	261,010	288,090
Utiliti-Bekalan Letrik, Air dan Lain-lain	371,582	355,654
	-----	-----
	3,254,578	2,986,505
	-----	-----

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

26hb Okt. 2017]

1817

2016	2015
RM	RM

25. PELARASAN TAHUN LALU

KUMPULAN WANG ZAKAT

Jumlah pelarasan tahun lalu terdiri daripada:

Pelarasan Bantuan Baikpulih Rumah	—	19,091
Pelarasan Kerja-kerja Yang Tidak Disempurnakan	—	17,685
Pelarasan Bil Celcom	—	(2,203)
Pelarasan Pembatalan Jurnal Gantian Cek	—	(600)
Pelarasan Komisen Bank Terkurang Nyata	—	(19)
Pelarasan Cek Tidak Ditunaikan	43,450	64,250
Pelarasan Wang Tahanan	1,010	—
Pelarasan Pembatalan Bantuan Baikpulih Rumah	45,052	—
Pelarasan Pengurangan Bantuan Baikpulih Rumah	45,059	—
Pelarasan Bayar Balik Biasiswa IPT Dalam Negara	7,500	11,300
Pelarasan Kesilapan Penyediaan Jurnal Pelarasan BITK	40	—
Pelarasan Susutnilai Terkumpul Terlebih Nyata	1,832	—
Pelarasan Susutnilai Terkumpul Terkurang Nyata	(16,953)	—
Pelarasan Hasil Terlebih Nyata	(41,080)	(51,766)
Pelarasan Bayar Balik Hasil Zakat	(6,273)	—
Pelarasan Hadiah Amil Terkurang Nyata	(4)	—
	-----	-----
	79,633	57,738
	-----	-----

KUMPULAN WANG PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

Jumlah pelarasan tahun lalu terdiri daripada:

Pelarasan Tanggungan Belum Selesai Terlebih Nyata	—	800
Pelarasan Bayaran Audit Terkurang Nyata Tahun 2014	—	37
	-----	-----

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1818

[26hb Okt. 2017]

	2016 RM	2015 RM
Pelarasan Pelunasan Tanah Terkurang	—	(948)
Nyata Tahun 2014		
Pelarasan Bayaran Audit Terlebih	537	—
Nyata Tahun 2015		
	----- 537	----- (111)
JUMLAH PELARASAN TAHUN LALU	80,170	57,627
	----- -----	----- -----

26. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Perubahan Penyata Kewangan

Perubahan Penyata Kewangan telah diselaraskan untuk disesuaikan dengan perubahan tahun ini selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

Perkara Luarbiasa

Perkara luarbiasa merupakan kejadian atau urusniaga yang di luar aktiviti biasa pengurusan Lembaga serta dianggap material dan dijangka tidak akan berlaku berulangkali.

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau distarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA